

NUFEN SUSPENSION

Ibuprofen (100mg dalam setiap 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nufen Suspension
2. Bagaimana Nufen Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nufen Suspension
4. Cara menggunakan Nufen Suspension
5. Semasa menggunakan Nufen Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nufen Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Nufen Suspension

Nufen Suspension digunakan untuk melegakan demam yang berkaitan dengan selesema, serta sakit yang berkaitan tumbuh gigi, sakit gigi, sakit telinga, sakit tekak, sakit kepala, serta terseliuh yang ringan.

Juga untuk melegakan keradangan otot dan sendi.

Bagaimana Nufen Suspension berfungsi

Nufen Suspension mengandungi ibuprofen, sejenis ubat *Non-steroidal anti-inflammatory drugs* (NSAIDs). Ia berfungsi mengurangkan penghasilan prostaglandin yang merupakan bahan semulajadi yang menyebabkan sakit dan keradangan.

Sebelum menggunakan Nufen Suspension

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan ambil Nufen Suspension jika anda:
 - alah kepada ibuprofen, aspirin, NSAID lain atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (dinyatakan dalam Maklumat Lanjut)
 - anda mempunyai atau pernah mengalami ulser perut atau usus.

- Sebelum mengambil Nufen Suspension
Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau sejarah:

- asma atau alergi
- sebarang masalah gastrousus
- masalah buah pinggang, hati atau jantung
- tekanan darah tinggi
- pendarahan gastrousus (kerap minum alkohol, merokok atau mengambil ubat atau keadaan yang boleh meningkatkan terjadi pendarahan)

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil:

- Lithium (ubat gangguan mood)
- Methotrexate (ubat kanser dan autoimun)
- ubat cair darah
- ubat tekanan darah tinggi
- diuretik (ubat untuk membuang cecair berlebihan dalam badan)

Cara menggunakan Nufen Suspension

- Berapa banyak harus diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Kanak-kanak berumur 1 hingga 12 tahun dengan berat melebihi 7kg :

Dos biasa untuk kanak-kanak adalah seperti berikut:

- 1 - 2 tahun: 2.5 ml
 - 3 - 7 tahun: 5 ml (satu sudu teh)
 - 8 - 12 tahun: 10 ml (dua sudu teh)
- Jangan melebihi dos yang dinyatakan.

- Bila perlu diambil

Ambil 3 atau 4 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Jika gejala masih berterusan atau bertambah teruk, sila berunding dengan doktor anda.

- Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil secara berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan sakit kepala, mual, muntah, mengantuk, tekanan darah rendah dan kehilangan kesedaran.

Semasa menggunakan Nufen Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Nufen Suspension.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berikan Nufen Suspension kepada sesiapa, walaupun mereka

NUFEN SUSPENSION

Ibuprofen (100mg dalam setiap 5ml)

mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Nufen Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Ibuprofen boleh menyebabkan hipersensitiviti dengan gejala seperti:

- reaksi alahan yang teruk
- kesukaran bernafas, terutamanya jika anda mempunyai asma
- reaksi kulit seperti ruam, gatal-gatal, bengkak, atau lepuh
- sakit perut, loya, atau masalah pencernaan.
- pendarahan dalam perut atau jumlah platelet yang rendah

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Nufen Suspension**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30 °C.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bungkusan/botol.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspensi berwarna oren dengan rasa buah-buahan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Ibuprofen

- Bahan tidak aktif

Colour sunset yellow, water purified, sodium citrate, citric acid monohydrate, sodium benzoate, xanthan gum, polysorbate 20, propylparaben, orange flavour, glycerin, refined sugar, methylparaben dan gum tragacanth

- Nombor MAL

MAL07010961AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.,
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 1/2 Mile Off Jalan Meru,
41050 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Steriline Sdn. Bhd.,
Lot 5979, Jalan Teratai,
5 1/2 Mile Off Jalan Meru,
41050 Klang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

20/08/2024

Nombor siri:

NPRA(R4/1)310724/00097